



International Journal of Law, Government and
Communication (IJLGC)

Journal Website: <http://ijlgc.com/>
eISSN: 0128-1763



ANALISA PERUNDANGAN TERHADAP PERLINDUNGAN WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA DI MALAYSIA

LEGAL ANALYSIS FOR PROTECTION OF INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE IN MALAYSIA

Khadijah Mohamed^{1*}, Ahmad Shamsul Abd. Aziz², Nor Azlina Mohd Noor³

¹ Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia
Email: khadijah@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia
Email: sham@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia
Email: norazlyna@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 04.03.2020

Revised date: 29.03.2020

Accepted date: 05.04.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Mohamed, K, Abd Aziz, A. S., & Mohd Noor, N. A. (2020). Analisa Perundangan Terhadap Perlindungan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (19), 10-20.

DOI: 10.35631/IJLGC.519002.

Abstrak:

Akta Warisan Kebangsaan 2005 adalah satu-satunya Akta yang digubal di Malaysia setakat ini untuk melindungi warisan kebangsaan termasuklah warisan kebudayaan tidak ketara. Warisan kebudayaan tidak ketara adalah suatu bidang warisan yang menjadi keutamaan, merangkumi sesuatu warisan yang 'bukan benda' untuk dinikmati oleh pascaindera manusia. Namun, Akta tersebut memberikan definisi yang agak terhad kepada warisan kebudayaan tidak ketara kerana wujudnya kekaburan dalam terminologi-terminologi tertentu dari aspek definisi dan skop dalam warisan kebudayaan tidak ketara ini. Justeru, dengan menggunakan peruntukan Konvensyen UNESCO 2003 sebagai asas perbincangan, artikel ini menganalisa peruntukan undang-undang yang melindungi warisan kebudayaan tidak ketara di Malaysia dalam memenuhi tanggungjawabnya sebagai Negara Anggota kepada Konvensyen tersebut. Artikel ini mendapati bahawa penambahbaikan terhadap definisi warisan kebudayaan tidak ketara perlu dibuat dengan meluaskan skop peruntukan untuk mencakupi elemen warisan kebudayaan tidak ketara yang relevan seperti makanan dan warisan seni halus.

Kata Kunci:

Akta Warisan Kebangsaan 2005, Konvensyen UNESCO 2003, Perlindungan Undang-Undang, Undang-Undang Harta Intelek, Warisan Kebudayaan Tidak Ketara

Abstract:

The National Heritage Act 2005 is the only Act enacted in Malaysia to date to protect the national heritage including intangible cultural heritage. In the field of heritage study, intangible cultural heritage becomes a priority in the context of a 'non-existent' heritage enjoyed through the human senses. However, the Act provides a rather limited definition of intangible cultural heritage due to ambiguity in certain terminologies of its definition and scope. Hence, by using the provisions of the UNESCO Convention 2003 as the basis of discussion, this article analyses the legal provisions which protect intangible cultural heritage in Malaysia for the country in fulfilling its responsibilities as a Member Country of the Convention. This article finds that improvements to the definition of intangible cultural heritage need to be made by expanding the scope of the provision to include relevant intangible cultural heritage elements such as food and fine arts heritage.

Keywords:

National Heritage Act 2005, UNESCO Convention 2003, Legal Protection, Intellectual Property Law, Intangible Cultural Heritage

Pendahuluan

Kepentingan memelihara warisan kebudayaan tidak ketara (intangible cultural heritage) mula diberi pendekatan serius oleh kebanyakan negara terutamanya selepas Organisasi Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization, "UNESCO") memperkenalkan Konvensyen untuk Melindungi Warisan Kebudayaan Tidak Ketara pada tahun 2003 untuk tujuan menggalakkan usaha perlindungan kepada warisan-warisan budaya jenis ini. Menurut UNESCO (UNESCO, n.d.), Konvensyen ini telah diterima pada 17 Oktober 2003 semasa penutup mesyuarat Persidangan Umum UNESCO ke-32 yang diadakan di Paris pada 29 September hingga 17 Oktober 2003 bertujuan untuk menyediakan perlindungan terhadap warisan kebudayaan tidak ketara penting yang terdapat di seluruh dunia disamping menyebarkan kesedaran kepada masyarakat tentang keperluan pemeliharaan terhadap warisan kebudayaan tidak ketara.

Secara spesifiknya, objektif Konvensyen ini dijelaskan dalam Artikel 1 iaitu untuk:

- (a) melindungi warisan kebudayaan tidak ketara;
- (b) memastikan penghormatan kepada warisan kebudayaan tidak ketara sesuatu komuniti, kumpulan dan individu yang berkenaan;
- (c) untuk meningkatkan kesedaran di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa tentang kepentingan warisan kebudayaan tidak ketara, dan memastikan ia saling dihargai;
- (d) untuk menyediakan kerjasama dan bantuan di peringkat antarabangsa.

Tindakan UNESCO memperkenalkan Konvensyen 2003 ini dianggap sebagai suatu usaha di peringkat antarabangsa untuk melindungi warisan kebudayaan orang hidup yang terdapat di seluruh dunia daripada luput dengan pantas akibat kesan globalisasi dan juga bertujuan untuk memperluaskan konsep warisan kebudayaan agar merangkumi aspek warisan kebudayaan tidak ketara (Hwee, 2017). Sebelum kewujudan Konvensyen 2003 ini, Jepun telah membangkitkan isu berkenaan pemeliharaan warisan kebudayaan tidak ketara di peringkat antarabangsa apabila negara itu memperkenalkan undang-undang berkaitan warisan kebudayaan tidak ketara buat pertama kalinya di dunia pada tahun 1950, yang mengawal perlindungan terhadap nilai kebudayaan di negara tersebut (Guo, Pikas & Lee, 2017; Smuka, 2016).

Konvensyen 2003 ini mula berkuatkuasa pada 20 April 2006 setelah tiga puluh instrumen ratifikasi diterima daripada negara-negara anggota UNESCO (UNESCO, n.d.). Menurut Artikel 34, Konvensyen ini hendaklah turut berkuatkuasa terhadap negara-negara lain tiga bulan selepas negara berkenaan mendepositkan instrumen perundangan mereka bagi tujuan pengesahan, penerimaan, kelulusan atau penyertaan. Sehingga 11 Mei 2018, sebanyak 178 negara telahpun meratifikasikan Konvensyen ini.

Malaysia meratifikasikan Konvensyen ini pada 23 Julai 2013. Menurut Artikel 11(a) Konvensyen, setiap negara anggota perlu mengambil langkah wajar bagi memastikan perlindungan warisan kebudayaan tidak ketara yang sepatutnya diwujudkan di peringkat nasional. Justeru, dengan menggunakan peruntukan Konvensyen UNESCO 2003 sebagai asas perbincangan, artikel ini akan menganalisa peruntukan undang-undang yang melindungi warisan kebudayaan tidak ketara di Malaysia dalam memenuhi tanggungjawabnya sebagai negara anggota kepada Konvensyen tersebut.

Konsep Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Menurut Konvensyen UNESCO 2003

Secara umumnya, terdapat tiga kategori warisan kebudayaan yang berbeza yang diiktiraf di bawah undang-undang iaitu, warisan ketara, warisan tidak ketara dan warisan semula jadi. Warisan ketara merujuk kepada “monumen, kumpulan bangunan atau tapak bersejarah, estetik, arkeologi, nilai-nilai saintifik, etnologi atau antropologi; dan termasuk khazanah seperti Angkor Wat yang merupakan suatu kompleks kuil yang luas yang mengelilingi kampung Siem Reap di Kemboja” (UNESCO, n.d.). Warisan semulajadi pula merujuk kepada “ciri-ciri semulajadi, pembentukan geologi dan fisiografi, kawasan yang ditakrifkan sebagai habitat spesies haiwan dan tumbuhan yang terancam serta tapak semulajadi yang bernilai dari sudut sains, pemuliharaan atau keindahan semulajadi yang termasuklah taman alam dan rizab, zoo, akuarium dan taman botani” (UNESCO Convention, 1972).

Istilah 'warisan kebudayaan' itu sendiri secara umumnya telah berubah kandungannya dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Pihak UNESCO mengakui bahawa perkembangan ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh instrument warisan kebudayaan yang dibangunkan oleh pihak mereka sendiri (UNESCO, n.d.). Keadaan ini turut mempengaruhi takrifan kepada “warisan kebudayaan tidak ketara”. Artikel 2(1) Konvensyen 2003 mendefinisikan warisan kebudayaan tidak ketara sebagai:

“amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan, kemahiran - serta instrumen, objek, artifak dan ruang kebudayaan yang berkaitan dengannya - bahawa komuniti, kumpulan, dan dalam sesetengah kes, individu yang diiktiraf sebagai sebahagian daripada warisan kebudayaan mereka. Warisan kebudayaan tidak ketara ini, yang diperturunkan dari generasi ke generasi, sentiasa dicipta semula oleh sesuatu komuniti dan kumpulan sebagai tindak balas terhadap persekitaran mereka, interaksi mereka dengan alam dan sejarah mereka, dan memberikan mereka rasa identiti dan kesinambungan, justeru menggalakkan rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya dan kreativiti manusia. Bagi tujuan Konvensyen ini, pertimbangan akan diberikan semata-mata kepada warisan kebudayaan tidak ketara seperti yang bersesuaian dengan instrumen hak asasi antarabangsa yang sedia ada, serta keperluan saling menghormati di kalangan masyarakat, kumpulan dan individu, dan pembangunan mampan”.

Seterusnya, Artikel 2(2) Konvensyen 2003 menyenaraikan pula contoh-contoh domain yang terdapat dalam takrifan 'warisan kebudayaan tidak ketara' yang merangkumi tradisi lisan, seni

persembahan, amalan sosial, ritual dan perayaan, ilmu dan amalan mengenai sifat alam semesta, dan tradisi ketukangan.

Daripada takrifan ini, skop warisan kebudayaan tidak ketara tidak hanya terhad kepada monumen dan koleksi objek, tetapi juga merangkumi tradisi atau ungkapan orang hidup yang diwarisi daripada nenek moyang yang diperturunkan kepada sesuatu keturunan, seperti tradisi lisan, seni persembahan, amalan sosial, ritual, peristiwa perayaan, ilmu dan amalan mengenai alam dan alam semesta atau ilmu dan kemahiran untuk menghasilkan kraf tradisi (UNESCO, n.d.). UNESCO juga menekankan bahawa, kepentingan warisan kebudayaan tidak ketara bukanlah terhadap manifestasi budaya itu sendiri tetapi lebih kepada kekayaan ilmu dan kemahiran yang diperturunkan daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Nilai sosial dan ekonomi yang terdapat pada penurunan ilmu ini adalah relevan bagi kelompok minoriti dan kelompok sosial arus perdana dalam sesebuah negara samada di kalangan negara-negara membangun mahupun negara-negara maju (UNESCO, n.d.).

Definisi warisan kebudayaan tidak ketara kemudiannya telah dibincangkan secara terperinci oleh Pusat Kebudayaan Asia/Pasifik untuk UNESCO (ACCU) pada tahun 2004 yang antara lain melihat ayat kedua dalam Artikel 2(1) Konvensyen sebagai menekankan kepentingan tentang peranan komuniti dan kelompok tertentu dalam pembangunan dan kemapanan warisan kebudayaan tidak ketara mereka (ACCU, 2004). Peruntukan ini juga mengutarakan kriteria-kriteria penting untuk mengenal pasti warisan kebudayaan tidak ketara yang perlu dipelihara, iaitu: ia hendaklah sesuatu yang tradisional, hidup dan diiktiraf oleh masyarakat bukan hanya sebagai hak milik mereka, tetapi penting sebagai identiti masyarakat tersebut. Oleh itu, warisan kebudayaan tidak ketara dalam konteks ini bukan sahaja penting sebagai manifestasi, malah sebagai kekayaan ilmu dan kemahiran yang diperturunkan oleh satu generasi ke generasi lain (Mukherjee, 2015).

Sebagai suatu entiti yang dianggap hidup, warisan kebudayaan tidak ketara dalam konteks ini hendaklah berupaya menyesuaikan dirinya secara berterusan dalam mendepani evolusi sejarah dan sosial pencipta dan pembawanya. Dalam erti kata lain, warisan kebudayaan tidak ketara bukanlah sesuatu yang statik, tetapi terus hidup melalui kekerapan amalan dan perkongsian di kalangan kumpulan dalam komuniti tertentu dan di antara generasi ke generasi yang lain. Berdasarkan ciri ini, Lenzerini (2011) berpendapat warisan kebudayaan tidak ketara dianggap sebagai ruang budaya yang mensasarkan kepada pemupukan pemeliharaannya dan kaitan antara warisan kebudayaan tidak ketara dengan pencipta dan pembawanya. Pendapat ini disokong selanjutnya oleh Bokova (2016) yang menyatakan warisan kebudayaan tidak ketara dapat menyediakan akses terus kepada ingatan orang ramai dan menjadi sumber hidup di mana maklumbalas kepada cabaran-cabaran keamanan dan pembangunan mampan boleh ditemui melalui warisan kebudayaan tidak ketara ini.

Kepentingan Memelihara Warisan Kebudayaan Tidak Ketara

Kebanyakan ulasan karya dalam kajian-kajian yang lepas tentang kepentingan untuk memelihara warisan kebudayaan tidak ketara mengaitkannya dengan industri pelancongan (Lu, 2012; Giudici, Melis, Dessì, & Ramos, 2013; Rodzi, Zaki dan Subli, 2013; Lovrentjev, 2015; Lopez-Guzman & Santa-Cruz, 2016; Sotiriadis, 2017; Sharafina Zaky & Ida Madieha, 2017; Esfehiani & Albrecht, 2018). Ini kerana hubungan antara warisan kebudayaan tidak ketara dan pelancongan turut berkait rapat dengan definisi warisan kebudayaan tidak ketara yang berasaskan kepada kebudayaan masyarakat tempatan. Misalnya, tarian kebudayaan kumpulan etnik tertentu hanya boleh dinikmati di tempat atau negara di mana etnik itu berada dan justeru berupaya untuk menarik pelancong datang ke tempat itu untuk menyaksikan dan mendapatkan

maklumat lanjut tentang keunikan persembahan tarian tersebut yang tidak terdapat di mana-mana bahagian lain dalam dunia.

Bagi muzik dan tarian kebudayaan misalnya, banyak negara yang telah mengisytihar dan mengiktirafnya sebagai warisan kebudayaan tidak ketara negara mereka seperti yang tersenarai dalam *UNESCO Lists of Intangible Cultural Heritage and the Register of Good Safeguarding Practices* (Senarai UNESCO) (UNESCO, n.d.). Ini termasuklah muzik dan tarian *Ma'di bowl lyre* masyarakat Madi di Uganda, perayaan popular *Samba de Roda* di Brazil yang melibatkan muzik, tarian dan puisi serta teater *Nôgaku* di Jepun yang menggabungkan topeng, pakaian dan pelbagai props dalam persembahan berasaskan tarian. Senarai muzik dan tarian dari beberapa negara ASEAN turut diiktiraf, misalnya muzik Khaen di Republik Demokratik Rakyat Lao, tarian Saman kaum Gayo di Aceh, Indonesia, tarian Ca trù di Vietnam, epik Darangen kaum Maranao di Tasik Lanao, Filipina dan teater Mak Yong di Malaysia (UNESCO, n.d.; Sharafina Zaky & Ida Madieha, 2017).

Malaysia sendiri kaya dengan budaya etniknya yang pelbagai. Selain daripada Mak Yong yang telah disenaraikan dalam Senarai UNESCO, Malaysia mempunyai warisan dan kebudayaan yang berwarna-warni gabungan daripada kumpulan etnik penduduk asli yang pelbagai dengan keunikan budaya dan warisan mereka yang tersendiri. Berdasarkan fakta ini, muzik dan tarian di Malaysia sahaja mempunyai pelbagai bentuk yang terdiri daripada tarian asli Melayu, Orang Asli dan pelbagai kaum etnik Sabah dan Sarawak serta tarian tradisional kaum Cina dan India (Sharafina Zaky & Ida Madieha, 2017). Gabungan ini kemudiannya membentuk menjadi sebahagian daripada budaya dan warisan Malaysia. Pihak kerajaan turut mengakui bahawa orkestra tradisional Melayu seperti gamelan, nobat serta sape masyarakat Orang Ulu atau penduduk sungai di Sarawak hinggalah kepada Tarian Singa Cina yang lazimnya dipersembahkan semasa perayaan Tahun Baru Cina dan tarian Bhangra masyarakat Sikh, kesemuanya mempunyai keunikan yang perlu dipelihara sewajarnya bukan sahaja bagi tujuan menggalakkan pelancongan tetapi juga untuk memastikan kelangsungan warisan budaya demi masa hadapan generasi Malaysia (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 2003).

Sehubungan itu, pengiktirafan UNESCO terhadap aset warisan kebudayaan tidak ketara ini dilihat sebagai memberi impak yang signifikan dalam mempromosi pelancongan kepada sesebuah negara. Malah, pihak UNESCO sendiri menekankan kepentingan warisan kebudayaan tidak ketara dalam mengekalkan kepelbagaian budaya dalam mendepani cabaran globalisasi (UNESCO, n.d.). Dalam konteks ini, kajian oleh Petronela (2016) menunjukkan peranan penting warisan kebudayaan tidak ketara dalam mengekalkan kekayaan pengetahuan dan kemahiran yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Kajian beliau juga mendapati nilai sosial dan ekonomi melalui penurunan ilmu ini adalah relevan terhadap kumpulan minoriti dan kumpulan sosial arus perdana dalam sesebuah negara, sama ada bagi negara membangun mahupun negara maju.

Perkembangan Perlindungan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara di Malaysia

Peranan warisan kebudayaan tidak ketara dalam membantu merealisasikan rancangan pembangunan negara bagi tempoh 2016-2020 diambilkira oleh Kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) dengan menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi dan budaya menjelang tahun 2020 (INTAN, 2017). Selaras dengan kewajibannya untuk memenuhi kehendak Artikel 11 Konvensyen UNESCO 2003, Kerajaan Malaysia telah mengambil

langkah-langkah perlu bagi memelihara warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara milik negara.

Pada tahun 2004, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KKKW) (bermula 2018 kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) telah diberi mandat untuk menyediakan dasar dan program warisan kebudayaan negara bagi melindungi warisan Malaysia. Hasilnya, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AWK 2005) telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. KKKW turut bertanggungjawab dalam pengumpulan bahan-bahan kajian berkaitan warisan tidak ketara dari pelbagai sumber termasuklah universiti, perpustakaan dan agensi untuk menyediakan pangkalan data komprehensif dan menubuhkan pusat penyelidikan tentang warisan kebudayaan tidak ketara. Pada awal penubuhan KKKW, satu bahagian khusus iaitu Bahagian Warisan telah diwujudkan dan bertanggungjawab dalam proses inventori warisan kebudayaan tidak ketara di Malaysia (Wahab, 2005).

Sebelum AWK 2005 diperkenalkan, hal-ehwal pengurusan dan perlindungan berkaitan tapak warisan di Malaysia diperuntukkan dalam beberapa akta dan perundangan seperti Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Benda Purba 1976 dan Akta Harta Karun 1957. Selain itu, terdapat perundangan negeri yang menumpukan kepada perlindungan tapak warisan di sesetengah negeri seperti Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, Enakmen (No.7) Yayasan Warisan Negeri Johor 1988, Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka 1988, Ordinan Warisan Kebudayaan Sarawak 1993, Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 serta Enakmen Warisan Negeri Sabah 2017. Beberapa pihak kerajaan tempatan juga turut menubuhkan garis panduan pemuliharaan warisan seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Bersejarah Melaka dan Majlis Perbandaran Taiping (Alias, 2011).

Namun, kajian oleh Yusoff, Dollah dan Kechot (2011) menunjukkan bahawa enakmen-enakmen dan garis panduan ini tidak konsisten, tidak lengkap dan tidak menyeluruh. Misalnya, seksyen 15(1) Akta Benda Purba 1976 yang mensyaratkan penyenaraian mana-mana monumen atau tapak dilakukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan jelas menghadkan kuasa Kerajaan Persekutuan untuk bertindak dalam perkara ini. Akibatnya, Jadual Ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan 1957 (Perlembagaan) telah dipinda untuk mencakupi aspek pemeliharaan warisan dalam Senarai Bersama Perlembagaan. Merujuk kepada Item 9E Jadual Ke-Sembilan Perlembagaan, pemeliharaan warisan di Malaysia pada masa kini diletak di bawah bidang kuasa bersama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan melalui Parlimen dan Kerajaan Negeri melalui Dewan Undangan Negeri mempunyai tanggungjawab bersama dan boleh membuat undang-undang berkaitan dengan hal-ehwal pemeliharaan warisan (Mustafa & Abdullah, 2013).

Berikutan pindaan terhadap Perlembagaan, AWK 2005 kemudiannya telah diluluskan oleh Parlimen dengan mengambilkira maklumat kajian yang dilakukan terhadap Akta Benda Purba 1976, Rang Undang-undang Harta Kebudayaan 2002 dan beberapa akta lain yang relevan. Walau bagaimanapun, akta dan rang undang-undang ini hanya mencakupi aspek warisan ketara sahaja. Sehubungan itu, peruntukan AWK 2005 memperkenalkan aspek perundangan bagi kedua-dua warisan ketara dan tidak ketara dengan menekankan kepada keperluan untuk melindungi pelbagai perkara berkaitan dengan warisan (Amir, 2005) yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada warisan kebudayaan tidak ketara (Mustafa & Abdullah, 2013). Justeru, AWK 2005 dalam aspek ini mempunyai pengaruh penting bagi memastikan kesinambungan warisan kebudayaan daripada luput ditelan zaman akibat daripada pelbagai bentuk aktiviti manusia samada secara sah ataupun tidak (Basrah Bee, 2007).

Perlindungan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AWK 2005)

Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah diwartakan pada 31 Disember 2005 dan berkuat kuasa pada 1 Mac 2006 (Warta Persekutuan PU(B) 53/2006). Akta ini mengandungi 126 seksyen dalam 17 Bahagian yang terdiri daripada: I Permulaan, II Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan, III Pentadbiran Akta, IV Majlis Warisan Kebangsaan, V Kumpulan Wang Warisan, VI Daftar Warisan Kebangsaan, VII Tapak Warisan, VIII Objek Warisan, IX Warisan Kebudayaan Di Bawah Air, X Warisan Kebangsaan, XI Harta Karun, XII Pelesenan, XIII Rayuan, XIV Kuasa Yang Berhubungan Dengan Penguatkuasaan, Penyitaan, Penangkapan, XV Kesalahan, XVI Pelbagai dan XVII Peruntukan Pemansuhan dan Kecualian. Mukadimah kepada AWK 2005 dengan jelas menetapkan bahawa “suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan”.

AWK 2005 memperkenalkan mekanisme baru dalam mengurus tapak warisan di Malaysia yang merangkumi penubuhan perkara-perkara berikut:

- (a) Pesuruhjaya Warisan (Bahagian III seksyen 4-7);
- (b) Majlis Warisan Kebangsaan (Bahagian IV seksyen 8-19);
- (c) Kumpulan Wang Warisan (Bahagian V seksyen 20-22);
- (d) Daftar Warisan Kebangsaan (Bahagian VI seksyen 23).

Bahagian III memperuntukkan tentang pentadbiran warisan yang terletak di bawah Pesuruhjaya Warisan. Peruntukan dalam Bahagian ini termasuklah hal-ehwal penetapan tapak; pendaftaran objek; penyelenggaraan Daftar Warisan; kawalan, penyelenggaraan dan pengendalian Dana Warisan; spesifikasi kategori warisan untuk disenaraikan; penyeliaan aktiviti pemuliharaan; kebenaran penggalian; penyelenggaraan dokumen berkaitan; perhubungan dan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan pemuliharaan dan pemeliharaan perkara-perkara warisan; nasihat dan koordinasi dengan pihak berkuasa perancang tempatan; promosi atau pengawalseliaan piawaian dan amalan terbaik dalam pemuliharaan dan pemeliharaan warisan. Peruntukan bagi Majlis Warisan Kebangsaan (MWK) terdapat di Bahagian IV di mana MWK menjadi penasihat kepada Menteri dan Pesuruhjaya. MWK mempunyai 12 orang ahli yang terdiri daripada seorang pengerusi, empat orang ahli *ex-officio* dari entiti Kerajaan, Pesuruhjaya dan enam orang ahli lain yang dilantik.

Bahagian V pula memperuntukkan perkara-perkara berkaitan dengan Kumpulan Wang Warisan (KWW) yang terdiri daripada dana yang diperolehi daripada belanjawan Kerajaan, sumbangan, levi yang dikenakan di bawah Akta, faedah daripada dana yang disimpan atau hasil daripada aset, pinjaman, dan lain-lain. KWW ini boleh digunakan untuk membeli warisan dan kawasan konservasi; membiayai kos yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan warisan; membiayai kempen, penyelidikan, kajian, penerbitan, pemuliharaan dan pemeliharaan barangan dan aktiviti warisan. Peruntukan dalam Bahagian VI adalah tentang Daftar Warisan Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk menyenaraikan item warisan berdaftar yang mana orang ramai boleh mengakses dan mendapatkan salinan tertakluk kepada bayaran tertentu.

Tafsiran mengenai terma-terma penting diperuntukkan dalam seksyen 2(1) AWK 2005. Terma “warisan kebudayaan” dalam takrifan seksyen ini menunjukkan ia merangkumi harta kebudayaan, struktur atau artifak yang penting kepada sejarah ataupun cara hidup kontemporari rakyat Malaysia dan dikelaskan kepada dua kumpulan: ketara atau tidak ketara. “Warisan kebudayaan ketara” merujuk kepada warisan yang diwujudkan melalui bentuk fizikal manakala “warisan kebudayaan tidak ketara” dirujuk sebagai warisan yang berkaitan dengan tradisi kebudayaan atau ungkapan hidup yang diperturunkan melalui tradisi lisan dan seni persembahan. Takrifan “warisan kebudayaan tidak ketara” dalam seksyen ini dinyatakan sebagai “termasuklah mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, yang telah wujud atau wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia”.

Daripada takrifan ini bolehlah dikatakan bahawa AWK 2005 merujuk warisan kebudayaan tidak ketara sebagai sebahagian daripada objek warisan atau warisan budaya secara umum. Takrifan dalam seksyen 2(1) ini juga mengiktiraf kaitan antara warisan kebudayaan tidak ketara dengan komuniti yang menetap di Malaysia, tetapi tidak mengenakan sebarang peranan kepada komuniti tersebut dalam menentukan apakah ciri-ciri warisan kebudayaan tidak ketara itu sendiri. Keadaan ini agak berbeza dengan peruntukan Artikel 2 Konvensyen UNESCO 2003 yang dengan jelas menentukan peranan dan kedudukan pembawa dan pemegang sesuatu warisan kebudayaan tidak ketara dalam proses perlindungan warisan kebudayaan tidak ketara. Adalah diujahkan bahawa peranan penentuan oleh pembawa dan pemegang warisan kebudayaan tidak ketara dalam konteks ini adalah penting memandangkan sifat warisan kebudayaan tidak ketara yang hidup itu mungkin berubah, berkembang dan diperkayakan oleh setiap generasi baru dan dengan itu pembawa dan pemegang warisan kebudayaan tidak ketara ini dapat menentukan adaptasi warisan kebudayaan tidak ketara yang manakah yang dipilih untuk terus dipelihara.

Merujuk kepada keperluan untuk memelihara jenis warisan tidak ketara ini, Othman dan Hamzah (2013) menyatakan bahawa walaupun warisan kebudayaan ketara secara fizikalnya mudah terjejas disebabkan oleh keadaan persekitaran, namun ia tidak berubah secara pesat atau drastik, berbanding warisan kebudayaan tidak ketara yang mudah terancam memandangkan kesinambungannya banyak bergantung kepada keputusan dan tindakan pelaku warisan kebudayaan tidak ketara serta interaksi sosial.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mencadangkan agar takrifan warisan kebudayaan tidak ketara dalam seksyen 2(1) ini yang didapati sempit dan terhad perlu diperluaskan memandangkan UNESCO sendiripun membenarkan takrifan tersebut masih terbuka untuk diperbahaskan (Safinaz, Mahmud Zuhdi & Nazura, 2011; Nurulhuda Adabiah & Nuraisyah, 2013). Kajian lepas juga mendapati bahawa makanan tradisional, seni halus dan seni persembahan misalnya mendapat banyak manfaat daripada peruntukan dalam AWK 2005 ini (Mohd Yuszaidy, 2016; Mohd Yuszaidy, Hanapi & Ab Samad, 2013). Ironinya, Senarai Objek Warisan Tidak Ketara iaitu Senarai Seni Halus Warisan Kebangsaan 2015 dan Senarai Makanan Warisan Kebangsaan 2015 yang wujud dalam Daftar Warisan Kebangsaan tidak termasuk dalam definisi warisan kebudayaan tidak ketara yang diperuntukkan dalam seksyen 2(1) AWK 2005. Adalah diujahkan bahawa memandangkan makanan seperti Nasi Dagang, Asam Pedas dan Kuih Cincin tersenarai dalam Daftar Warisan Kebangsaan, adalah wajar definisi warisan kebudayaan tidak ketara ini turut diperluaskan kepada makanan. Maisarraf

(n.d.) misalnya menegaskan bahawa warisan kebudayaan tidak ketara adalah penting untuk memastikan keselamatan makanan. Malah, penyediaan makanan tradisional dan pertanian tempatan, penternakan, perikanan, perburuan, pengumpulan makanan dan sistem pengawetan makanan boleh memberi sumbangan yang besar kepada aspek jaminan makanan.

Peruntukan seterusnya yang berkaitan warisan kebudayaan tidak ketara adalah seksyen 60 AWK 2005 yang memperuntukkan pemuliharaan terhadap warisan kebudayaan tidak ketara dengan membenarkan pemilik atau penjaga sesuatu objek warisan kebudayaan tidak ketara untuk mengambil semua langkah yang perlu untuk membangunkan, mengenal pasti, menghantar, menyebabkan dilaksanakan dan memudahkan penyelidikan ke atas warisan kebudayaan tidak ketara itu mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan. Seksyen ini juga memperuntukkan bahawa Pesuruhjaya boleh membuat apa-apa perkiraan dengan pemunya atau penjaga warisan kebudayaan tidak ketara itu bagi pematuan garis panduan dan tatacara yang ditetapkan. Namun, adalah diujahkan bahawa peruntukan seksyen 60 ini sewajarnya ditambahbaik dengan merangkumkan definisi warisan kebudayaan tidak ketara dalam seksyen 2(1) kepada semua elemen yang relevan termasuklah makanan dan juga seni halus.

Kesimpulan

Secara umumnya, undang-undang semasa di Malaysia menyediakan peruntukan untuk melindungi, memulihara dan memelihara kawasan warisan di negara ini serta memenuhi kewajipannya di bawah Konvensyen UNESCO 2003. Walau bagaimanapun, dalam konteks warisan kebudayaan tidak ketara, masih ada ruang yang perlu diperbaiki terutamanya penambahbaikan terhadap perincian takrifan warisan kebudayaan tidak ketara itu sendiri agar dapat meliputi sebanyak mungkin item atau bahan warisan kebudayaan tidak ketara yang relevan. Adalah diujahkan bahawa, tanpa perincian ini, berlaku kemungkinan di mana beberapa objek warisan kebudayaan tidak ketara yang penting akan terabai dan mungkin dilupakan sehingga secara tidak sengaja tidak diberi perlindungan undang-undang yang sewajarnya. Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dengan mengambil usaha yang sepatutnya dalam memastikan warisan jenis ini dapat dipelihara dan dilindungi dengan baik demi kesinambungan generasi akan datang.

Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini di bawah Geran Penjanaan Kod S/O 13934 bertajuk 'Perlindungan Kepada Warisan Kebudayaan Tidak Ketara: Kajian Undang-Undang Terhadap Akta Warisan Kebangsaan 2005'.

Rujukan

Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Amir, R. (2005). *Government Mechanism for Safeguarding Intangible Cultural Heritage*. Country Report. Sub-Regional Experts Meeting in Asia on Intangible Cultural Heritage: Safeguarding and Inventory-Making Methodologies. Bangkok, Thailand, 13-16 December.

Asia/Pacific Cultural Centre for UNESCO (ACCU). (2004). *ACCU Regional Meeting in Asia and the Pacific on Promotion of Safeguarding Intangible Cultural Heritage*. Final Report. Co-organized by the Asia/Pacific Cultural Centre for UNESCO, Bunkacho (the Agency for Cultural Affairs, Japan) and the Japanese National Commission for UNESCO, Osaka, Jepun.

- Basrah Bee, B.B. (2007). *Signifikasi Akta Warisan Kebangsaan 2005 Kepada Warisan Kebudayaan Bawah Air Malaysia*. Diambil drp <http://www.ums.edu.my/fksw/images/files/BIL132007/Signifikasi%20Akta%20Warisan%20Kebangsaan%202005.pdf>
- Bokova, I. (2016). Foreword. Dalam UNESCO. *Basic Texts of the 2003 Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. (ms v-iv). Paris, France: UNESCO. Diambil drp https://ich.unesco.org/doc/src/2003_Convention_Basic_Texts-_2016_version-EN.pdf
- Esfehiani, M.H., & Albrecht, J.N. (2018). Roles of intangible cultural heritage in tourism in natural protected areas. *Journal of Heritage Tourism*, 13(1), 15-29, doi: 10.1080/1743873X.2016.1245735
- Giudici, E., Melis, C., Dessì, S., & Ramos, B.F.P.G. (2013). Is intangible cultural heritage able to promote sustainability in tourism? *International Journal of Quality and Service Sciences*, 5(1), 101-114. doi:10.1108/17566691311316275
- Guo,X., Pikas, B., & Lee, T. (2017). Study of intangible Chinese cultural heritage protection and tourism development: the case of intangible cultural heritage protection of the Hezhe Nationality. *Journal of Marketing Development and Competitiveness*, 11(2), 39-45.
- Hwee, S.T. (2017). *Safeguarding Intangible Cultural Heritage: China's National Policies and their Impact*. University of Nottingham Asia Research Institute. Diambil drp <https://theasiadialogue.com/2017/08/24/safeguarding-intangible-cultural-heritage-chinas-national-policies-and-their-impact/>
- INTAN, Institut Tadbiran Awam Negara. (2017). *Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)*. Diambil drp <https://www.intanbk.intan.my/iportal/index.php/ms/rmk11>
- Jabatan Warisan Negara. (n.d.). *Objek Warisan Tidak Ketara*. Diambil drp <http://www.heritage.gov.my/ms/daftar-warisan/senarai-warisan-kebangsaan/objek/objek-warisan-tidak-ketara.html>
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2003). *Rodat. Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan, Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan kesenian*. Diambil drp <https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/rodat.pdf>
- Lenzerini, F. (2011). Intangible Cultural Heritage: The Living Culture of Peoples. *The European Journal of International Law*, 22(1),101–120.
- Lopez-Guzman, T., & Santa-Cruz, F.G. (2016). International tourism and the UNESCO category of intangible cultural heritage. *International Journal of Culture, Tourism and Hospitality Research*, 10(3), 310-322, doi:10.1108/IJCTHR-03-2015-0025
- Lovrentjev, S. (2015). Intangible cultural heritage and tourism: comparing Croatia and the Czech Republic. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(5), S1. doi:10.5901/mjss.2015.v6n5s1p522
- Lu, C. X. (2012). The study on tourism development of intangible cultural heritage - taking Weifang City as example. *Advanced Materials Research*, 479-481, 55-58.
- Maisaraf (n.d) , *Warisan Kebudayaan Tidak Ketara dan Pembangunan Mampan, (UNESCO)*. Diambil drp <https://ich.unesco.org/doc/src/34299-MS.pdf>.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusof (2016). *Pemuliharaan Warisan Budaya Tidak Ketara di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu 2016, Royal Asiatic Society, London, 3-25.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, & Ab Samad Kechot. (2013). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara, *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2):64-77.

- Mukherjee, B. (2015). *India's Intangible Cultural Heritage: A Civilisational Legacy to the World*. Diambil drp <https://www.mea.gov.in/in-focus-article.htm?24717/Indias+Intangible+Cultural+Heritage+A+Civilisational+Legacy+To+The+World>
- Mustafa, N. A., & Abdullah, N.C. (2013). Preservation of cultural heritage in Malaysia: an insight of the National Heritage Act 2005. *Proceedings of International Conference on Tourism Development*, 407-415. Diambil drp <http://eprints.usm.my/35031/1/HBP41.pdf>
- Nurulhuda Adabiah Mustafa & Nuraisyah Chua Abdullah. (2013) Preservation of cultural heritage in Malaysia: An insight of the National Heritage Act 2005. Dalam Mohamed, B. & Bahauddin, A. (Eds.), *Proceedings of International Conference on Tourism Development, 'Building the future of tourism'*, (ms. 407-415). Diambil drp <https://www.cabdirect.org/cabdirect/abstract/20133074552>
- Othman, R.N.R., & Hamzah, A. (2013). Interdependency of cultural heritage assets in the Old Quarter, Melaka Heritage City. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 105, 577-588.
- Perlembagaan Persekutuan 1957.
- Petronela, T. (2016). The importance of the intangible cultural heritage in the economy. *Procedia Economics and Finance*, 39, 731– 7.
- Rodzi, N.I.M., Zaki, S.A., & Subli, S.M.H.S. (2013). Between tourism and intangible cultural heritage. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 85, 411–420. doi: 10.1016/j.sbspro.2013.08.370
- Safinaz Mohd Hussien, Mahmud Zuhdi Mohd Nor & Nazura Abdul Manap. (2011). Bringing life to folklore: problem of definition. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 15, 163-168. ISSN 1394-7729.
- Sharafina Zaky Nublan Zaky & Ida Madieha Abdul Ghani Azmi. (2017). Protection for intangible cultural heritage as a viable tourist product: Malaysia as a case study. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 20 (S1), 59-70. ISSN 1511-2802.
- Smuka, I. (2016). Intangible cultural heritage in promotion of development of location. *Proceedings of the 2016 International Conference "Economic Science for Rural Development" No 42*, (ms. 157-163). Diambil drp https://llufb.llu.lv/conference/economic_science_rural/2016/Latvia_ESRD_42_2016-157-163.pdf
- Sotiriadis, M. (2017). Pairing intangible cultural heritage with tourism: the case of Mediterranean diet. *EuroMed Journal of Business*, 12(3), 269-284. doi:10.1108/EMJB-07-2016-0019.
- UNESCO Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage 1972.
- UNESCO, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. (n.d). *What is Intangible Cultural Heritage?* Diambil drp <https://ich.unesco.org/en/what-is-intangible-heritage-00003>.
- Wahab, M. S. A. (2005). *Community Mechanism for Safeguarding Intangible Cultural Heritage – With Reference to the Policies and Strategies for the Promotion of Arts Education at the National Level*. Country Report. Sub-Regional Experts Meeting in Asia on Intangible Cultural Heritage: Safeguarding and Inventory-Making Methodologies. Bangkok, Thailand, 13-16 December 2005.
- Yusoff, M.Y.M., Dollah, H., & Kechot, A.S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu*, 8, 173-188.